

Susun semula MAS diteliti

KUALA LUMPUR, Khamis — Kementerian Pengangkutan sedang meneliti syor-syor dan laporan sebuah syarikat perunding luar negeri yang dilantik oleh Kerajaan awal tahun lalu untuk mengkaji penyusunan semula pengurusan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar, memberitahu hari ini, laporan dari syarikat tersebut, Cresap McCormick dan Paget yang beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat, kemudikan akan dikemukakan kepada Kabinet untuk diterima dan dilaksanakan.

Kajian penyusunan semula pengurusan MAS itu adalah atas arahan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Timbalan Perdana Menteri dalam tahun 1979 ketika krisis memuncak antara

Kesatuan Pekerja MAS dan pihak pengurusan berhubung dengan tuntutan gaji sehingga menyebabkan pemulauan pesawat MAS di luar negeri.

Kandungan

Bercakap kepada para pemberita selepas melawat ibu pejabat MAS di sini, Datuk Abu Hassan berkata, laporan tersebut diserahkan kepada Kementerian a beberapa bulan lalu dan masih dikaji sebelum dikemukakan kepada Kabinet.

Beliau juga tidak dapat memberitahu kan-

dungannya buat masa ini.

Bagaimanapun, difahamkan ia mengandungi syor-syor tentang cara MAS patut disusun semula bagi memperbaiki perkhidmatan dan mengukuhkan kedudukannya.

Selain itu, firma perunding tersebut juga mengemukakan cadangan mengenai bilangan pegawai dan kakitangan serta jumlah pesawat yang diperlukan bagi menjadikan perkhidmatan MAS lebih ekonomik dan menguntungkan.

Untuk menjalankan kajian mereka, firma tersebut menghantar pegawai-pegawainya Februari 1980 ke negara ini untuk menemui dan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan MAS dan Kementerian Pengangkutan.

Datuk Abu Hassan juga memberitahu, MAS sedang menambah dan meningkatkan lagi program latihan untuk Kadet Juruterbang dan Pelatih Jurutera kapal terbang bertujuan untuk mengurangkan pergantungan kepada kakitangan asing.

Beliau berkata, latihan-latihan tersebut diadakan di luar negeri dan di institusi-institusi tempatan untuk menyediakan kakitangan yang berkelayakan dan terlatih.

Menurutnya, MAS pada masa ini mempunyai 240 juruterbang dan jurutera asing berbanding dengan lebih 100 jurutera dan 400 juruterbang tempatan.

Di samping itu, kata Timbalan Menteri tersebut, MAS juga telah mewujudkan sebuah Jabatan Projek dan Kemudahan untuk memperkemaskan alat-alat dan melicinkan kerja-kerja pengendalian.

Simpanan

Apabila siap dalam tahun 1984, jabatan tersebut akan mempunyai sebuah kompleks berharga lebih \$100 juta termasuk bingkai enjin dan komponen, setor pusat, pusat simulator, kantin, apron pengendalian dan ruang simpanan luas.

Bagi meningkatkan lagi perkhidmatannya di dalam dan luar negeri, MAS juga menempah dua buah kapal terbang Boeing 747 yang akan diterima April tahun depan serta menambah jumlah penerbangan ke destinasi-destinasinya.

Menurut Datuk Abu Hassan, rancangan juga ditetapkan untuk memberi kemudahan pempapan tiket berkomputer di semua pejabat MAS menjelang 1984 dengan perbelanjaan \$20 juta.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia